



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tel: 03-88877033 Faks: 03-8881 1008

KENALI BURUNG PUTRAJAYA MELALUI BACKYARD BUDDY

PUTRAJAYA, 24 SEPTEMBER 2022 – Perbadanan Putrajaya (PPj) bersama Nature Education Society (NEST) menganjurkan Bengkel “Backyard Buddy” dalam usaha memperkenalkan “Urban Birding Hotspot Putrajaya” di kalangan komuniti setempat bertempat di Galeri VIC Taman Botani Putrajaya.

Bengkel ini telah memasuki siri 2 penganjuranya bertujuan mewujudkan satu kumpulan yang terdiri daripada komuniti Putrajaya dari semua peringkat umur dan latar belakang yang peka terhadap pelbagai spesis burung di Putrajaya. Di samping itu, program ini diadakan bagi mewujudkan kesedaran komuniti dan prihatin terhadap kehadiran serta spesis burung di persekitaran mereka di Putrajaya.

Seramai 50 peserta telah menyertai bengkel yang dianjurkan dan peserta dibahagikan kepada 10 kumpulan. Peserta didedahkan kepada teknik-teknik pemerhatian serta pengecaman burung di Taman Botani. Sehingga kini terdapat 202 spesis burung di Putrajaya dan para peserta berpeluang untuk membuat pengecaman burung di Taman Botani antaranya burung belatuk, burung pekaka atau dikenali sebagai raja udang, burung dari keluarga bul-bul ataupun merbah serta burung spesies tanah rendah dan sebagainya

Disamping itu, turut diadakan sesi perkongsian pengalaman penglibatan komuniti berkaitan dengan burung di Taiping, Bukit Wang, Kedah dan Penaga, Pulau Pinang. Bengkel ini juga turut memberikan pendedahan serta kesedaran terhadap kepentingan burung sebagai indikator kelestarian alam sekitar di sesuatu kawasan.

Kumpulan yang diwujudkan ini juga diharap dapat memainkan peranan serta aktif dalam menjayakan semua program program *Urban Birding* Putrajaya anjuran PPj. Pada masa akan datang PPj juga berharap dapat Bengkel Backyard Buddy ini dapat mewujudkan jurupandu ‘bird guide’ tempatan (Putrajaya) yang berpengetahuan serta berkelayakan untuk mereka terbabit di dalam program pembangunan seterusnya iaitu program Pakej Pemerhatian Burung Putrajaya.


TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh **23** September 2022

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346.